

Soalan Lazim
Pas Transit myBAS – myBAS50

1. Apa itu myBAS50 dan kelebihannya?

myBAS50 adalah pas perjalanan bulanan tanpa had yang menawarkan perjalanan tanpa had selama 30 hari untuk semua rakyat Malaysia dengan perkhidmatan myBAS Johor Bahru.

2. Apakah syarat kelayakan untuk melanggan myBAS50?

Anda mestilah warganegara Malaysia dan mempunyai MyKad atau MyTentera yang sah untuk layak melanggan myBAS50.

3. Berapakah harga langganan myBAS50?

Harga langganan untuk myBAS50 ialah RM50 untuk 30 hari.

4. Adakah saya akan dikenakan Cukai Jualan & Perkhidmatan (SST) apabila saya melanggan myBAS50?

Tiada, kos langganan myBAS50 kekal pada RM50 tanpa sebarang caj tambahan untuk cukai jualan dan perkhidmatan.


5. Bilakah myBAS50 tersedia untuk dilanggan?

myBAS 50 boleh dilanggan mulai 13 Mac 2023 dan pelanggan boleh menggunakan pas ini di semua laluan myBAS di Johor Bahru pada 1 April 2023.

6. Di mana dan bagaimana saya boleh melanggan Pas Transit myBAS50?

Terdapat dua cara untuk mendaftar dan melanggan Pas Transit myBAS50 anda iaitu melalui kaunter atau secara dalam talian melalui aplikasi LUGO.

Melalui Telefon Pintar (Aplikasi LUGO)




[Klik di sini unruk muat turun aplikasi LUGO](#)

Melalui Kaunter (MyKad)

myBAS50 boleh dilanggan melalui kaunter Causeway Link/ManjaLink yang berikut:

- JB CIQ
- Terminal Bas Kulai
- KSL City Mall
- TF Value Mart
- Terminal Bas Gelang Patah
- Lapangan Terbang Antarabangsa Senai



7. Bilakah saya boleh mula menggunakan Pas Transit myBAS50?

Ini bergantung kepada cara anda mendaftar dan melanggan Pas Transit myBAS50 anda.

Telefon Pintar (aplikasi LUGO)

Jika anda mendaftar dan melanggan Pas Transit myBAS50 melalui aplikasi LUGO, ia mungkin mengambil masa sehingga 24 jam untuk permohonan diluluskan. Namun selepas lulus (anda akan menerima notifikasi) dan pembayaran dibuat, anda boleh terus menggunakan Pas Transit myBAS50 pada aplikasi LUGO anda di dalam bas.

Kaunter

Jika anda mendaftar dan melanggan Pas Transit myBAS50 melalui kaunter ManjaLink, pengesahan kelulusan dan pembayaran adalah serta merta. Namun, selepas pembayaran dibuat anda perlu menunggu sehingga 24 jam sebelum anda boleh menggunakan Pas Transit myBAS50 pada MyKad/MyTentera anda di dalam bas.

⚠Penting

Sila ambil perhatian bahawa walaupun pendaftaran untuk langganan dibuka awal iaitu bermula 13 Mac 2023, namun Pas Transit myBAS50 anda hanya boleh digunakan di dalam bas paling awal pada 1 April 2023 bergantung kepada tarikh mula yang anda pilih.

8. Bagaimana saya boleh memperbaharui langganan myBAS50?

Terdapat beberapa cara untuk memperbaharui langganan myBAS50 dan ia bergantung kepada cara anda membuat langganan tersebut:

Melalui Telefon Pintar (Aplikasi LUGO)

Langkah 1: Buka aplikasi LUGO

Langkah 2: Pilih "Manage myBAS50" (langkah ini jika myBAS50 anda masih aktif)

Langkah 3: Pilih "Renew Pass"

Langkah 4: Buat pembayaran.

Melalui MyKad

Anda boleh mengunjungi kaunter Causeway Link/ManjaLink yang terpilih untuk memperbaharui langganan myBAS50 anda:

- Terminal Bas Gelang Patah
- JB CIQ
- KSL City Mall
- Terminal Bas Kulai
- Lapangan Terbang Antarabangsa Senai
- TF Value Mart

9. Untuk pembaharuan myBAS50, adakah saya perlu menunggu selama 24 jam sebelum saya dapat menggunakan?

Ia bergantung kepada cara anda melanggan myBAS50 anda.

Kaunter

Jika anda telah memperbaharui myBAS50 sekurang-kurangnya 24 jam sebelum tamat tempoh, anda tidak perlu menunggu selama 24 jam sebelum pas anda diaktifkan.

Namun, jika anda memperbaharui myBAS50 anda sekurang-kurangnya 24 jam sebelum atau selepas tarikh tamat tempoh, maka anda perlu menunggu sehingga 24 jam sebelum anda boleh menggunakan pas tersebut di dalam bas.

Untuk mengelakkan sebarang gangguan perkhidmatan, kami mencadangkan supaya anda memperbaharui myBAS50 anda dengan segera.

Telefon Pintar (Aplikasi LUGO)

myBAS50 anda boleh digunakan dengan serta-merta setelah pembaharuan dilakukan.

10. Adakah terdapat yuran administrasi atau sebarang caj tersembunyi untuk myBAS50?

Tiada yuran administrasi atau sebarang caj tersembunyi untuk myBAS50. Anda hanya perlu membayar harga kad, iaitu RM50.

11. Bolehkah individu di bawah umur 12 tahun melanggan myBAS50 menggunakan kad MyKid mereka?

Tidak boleh, pemegang kad MyKid tidak layak untuk melanggan myBAS50, hanya pemegang kad MyKAD & MyTentera yang berusia 12 tahun ke atas sahaja yang boleh memohon untuk melanggan myBAS50.

12. Adakah saya dibenarkan untuk melanggan myBAS50 menggunakan kad MyTentera saya?

Anda boleh menggunakan kad MyTentera untuk melanggan myBAS50. Namun, harga langganan tetap RM50 kerana tiada harga konsesi yang diberikan.

13. Berapa tempoh sah myBAS50?

Tempoh sah adalah selama 30 hari berturut-turut (termasuk hujung minggu). Anda akan diminta untuk menetapkan tarikh pengaktifan kad semasa melanggan.

14. Seawal manakah saya boleh melanggan myBAS50?

Tiada had jumlah hari bagi memanjangkan tempoh langganan semasa.

Walau bagaimanapun, anda hanya boleh mempunyai maksimum dua tempoh sah pada satu-satu masa.

Sebagai contoh, anda melanggan myBAS50 pada 1 April, tempoh sahnya akan dari 1 April hingga 30 April, dan pada bila-bila masa dalam tempoh tersebut, anda boleh memperbaharui langganan yang akan bermula dari 1 Mei ke hadapan.

Tetapi, anda hanya boleh membuat pembaharuan atau pemanjangan tempoh langganan sekali sahaja sekiranya myBAS50 anda masih aktif.

15. Bolehkah saya memindahkan myBAS50 kepada individu lain (contohnya keluarga atau sahabat)?

Tidak boleh, myBAS50 terikat pada MyKad/MyTentera anda dan tidak boleh dipindah milik.

16. Bolehkah saya memindahkan akaun myBAS50 dari MyKAD ke aplikasi LUGO?

Ya, anda boleh memindahkan akaun myBAS50 dari MyKAD ke aplikasi LUGO. Untuk berbuat demikian, anda perlu mengunjungi kaunter Causeway Link / ManjaLink yang terpilih mengikut senarai di bawah ini:

- Terminal Bas Gelang Patah
- JB CIQ
- KSL City Mall
- Terminal Bas Kulai
- Lapangan Terbang Antarabangsa Senai
- TF Value Mart

17. Adakah cas tambahan yang perlu dibayar sekiranya saya menukar akaun dari myKAD ke aplikasi LUGO, atau sebaliknya?

Anda tidak akan dikenakan sebarang kos tambahan.

18. Apa yang akan berlaku jika saya kehilangan MyKad saya? Bolehkah saya memindahkan myBAS50 saya ke MyKad/MyTentera baru atau aplikasi LUGO?

Terdapat 2 penyelesaian dalam hal ini:

Penyelesaian 1: Gantikan MyKad anda

Anda perlu menggantikan MyKad anda di mana-mana kaunter Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Setelah anda mendapat MyKad baru anda, sila kunjungi mana-mana kaunter Causeway Link / ManjaLink yang terpilih (dinyatakan di bawah) dan minta bantuan daripada kakitangan kaunter untuk menukar myBAS50 anda ke MyKad baru anda. Setelah proses pertukaran selesai, anda perlu menunggu sehingga hari berikutnya untuk mula membayar dengan MyKad baru anda di dalam bas. Tiada bayaran tambahan yang akan dikenakan.

Kaunter ManjaLink / Causeway Link yang terpilih:

- Terminal Bas Gelang Patah
- JB CIQ
- KSL City Mall
- Terminal Bas Kulai
- Lapangan Terbang Antarabangsa Senai
- TF Value Mart

19. Jika MyKad saya rosak atau tidak dapat dibaca selepas saya mendaftar myBAS50, apakah yang perlu saya lakukan?

Terdapat 2 penyelesaian dalam hal ini:

Penyelesaian 1: Gantikan MyKad anda

Anda perlu menggantikan MyKad anda di mana-mana kaunter Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Setelah anda mendapatkan MyKad baru anda, sila kunjungi mana-mana kaunter Causeway Link / ManjaLink yang terpilih (dinyatakan di bawah) dan minta bantuan dari kakitangan kaunter untuk menukar myBAS 50 anda ke MyKad baru anda. Tiada caj tambahan yang akan dikenakan.

Kaunter ManjaLink / Causeway Link yang terpilih:

- Terminal Bas Gelang Patah
- JB CIQ
- KSL City Mall
- Terminal Bas Kulai
- Lapangan Terbang Antarabangsa Senai
- TF Value Mart

Penyelesaian 2: Tukar myBAS50 dari MyKad ke Aplikasi LUGO

Muat turun aplikasi LUGO dari App Store atau Google Play Store pada telefon pintar anda. Setelah anda memuat turun aplikasi LUGO pada telefon anda, sila kunjungi mana-mana kaunter Causeway Link / ManjaLink yang terpilih (dinyatakan di bawah) dan minta bantuan dari kakitangan kaunter untuk menukar myBAS50 anda ke aplikasi LUGO. Tiada caj tambahan yang akan dikenakan.

*Sila ambil perhatian bahawa selepas anda membuat penukaran di kaunter, ia mungkin mengambil masa sehingga 24 jam sebelum anda dapat menggunakan myBAS50 anda. Sebarang kerugian yang dialami semasa membuat penukaran adalah tidak layak untuk sebarang bayaran balik atau pampasan.

Kaunter ManjaLink / Causeway Link yang terpilih:

- Terminal Bas Gelang Patah
- JB CIQ
- KSL City Mall
- Terminal Bas Kulai
- Lapangan Terbang Antarabangsa Senai
- TF Value Mart

Penyelesaian 2: Tukar myBAS50 dari MyKad ke aplikasi LUGO.

Muat turun aplikasi LUGO dari App Store atau Google Play Store pada telefon pintar anda. Setelah anda memuat turun aplikasi LUGO pada telefon anda, kunjungi mana-mana kaunter Causeway Link / ManjaLink yang terpilih (dinyatakan di bawah) dan minta bantuan daripada kakitangan kaunter untuk menukar myBAS50 anda ke dalam aplikasi LUGO. Tiada bayaran tambahan yang akan dikenakan.

*Sila ambil perhatian bahawa selepas anda membuat penukaran di kaunter, ia mungkin mengambil masa sehingga 24 jam sebelum anda dapat menggunakan myBAS50 anda. Sebarang kerugian yang dialami semasa membuat penukaran adalah tidak layak untuk sebarang bayaran balik atau pampasan.

20. Jika saya ingin menamatkan langganan myBAS50 sebelum tamat tempoh, adakah saya boleh memohon untuk mendapatkan bayaran balik?

Anda tidak dibenarkan untuk menamatkan langganan myBAS50 sebelum tamat tempoh dan sebarang tuntutan untuk mendapatkan bayaran balik tidak akan dilayan sekiranya langganan myBAS50 telah diaktifkan.

21. Bolehkah saya menggunakan myBAS50 di luar kawasan Johor?

Tidak, myBAS50 hanya tersedia bagi perkhidmatan myBAS Johor Bahru sahaja.

22. Bolehkah saya menggunakan myBAS50 di bas Muafakat?

Tidak boleh, anda hanya boleh menggunakan myBAS50 di perkhidmatan myBAS Johor Bahru.

23. Sekiranya myBAS50 saya telah diaktifkan, adakah saya masih boleh menggunakan MyKAD untuk 'Touch n Go'?

Anda masih boleh menggunakan MyKAD sebagai kad Touch 'n Go walaupun myBAS50 telah diaktifkan. Ini tidak akan mengganggu fungsi normal Touch 'n Go anda.

24. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya ingin membeli myBAS50 melalui MyKAD tetapi cip kad tidak berfungsi?

Dalam kes ini, kami mencadangkan agar anda mendaftar myBAS50 melalui aplikasi LUGO. Sila rujuk kepada soalan nombor 6 untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai cara mendaftar myBAS50 melalui aplikasi LUGO.

25. Bilakah saya perlu memperbaharui myBAS50 saya?

Anda boleh memilih untuk memperbaharui myBAS50 pada bila-bila masa, walaupun pas anda belum tamat tempoh.

Walau bagaimanapun, kami mencadangkan anda untuk memperbaharui pas sekurang-kurangnya 24 jam sebelum tarikh luput untuk mengelakkan sebarang gangguan perkhidmatan yang mungkin akan berlaku. Setelah anda memperbaharui pas anda, tempoh sah myBAS50 anda akan dilanjutkan selama 30 hari lagi.

26. Bolehkah saya memilih tarikh pengaktifan semasa memperbaharui myBAS50?

Ini bergantung di mana anda memperbaharui myBAS50 anda.

Kaunter

Jika myBAS50 anda yang sedia ada sudah tamat tempoh, anda boleh memilih tarikh mula yang diinginkan untuk memperbaharui myBAS50 anda.

Tarikh mula yang terawal yang boleh anda pilih adalah keesokan harinya. Walau bagaimanapun, jika myBAS50 anda masih aktif, dengan memperbaharui myBAS50 anda, anda akan menambahkan 30 hari lagi untuk tempoh sah pas sedia ada.

Telefon Pintar (Aplikasi LUGO)

Jika myBAS50 anda yang sedia ada sudah tamat tempoh, anda boleh memilih untuk mengaktifkan langganan bulanan anda pada hari yang sama dengan pembaharuan atau pada hari lain mengikut pilihan anda. Walau bagaimanapun, jika myBAS50 anda masih aktif, dengan memperbaharui myBAS50 anda, anda akan menambahkan 30 hari lagi untuk tempoh sah pas sedia ada.

27. Adakah terdapat fungsi automatik bagi pembaharuan langganan myBAS50?


Tidak, tiada fungsi fungsi automatik, pengguna perlu memperbaharui myBAS50 mereka secara manual melalui kaunter ManjaLink / Causeway Link terpilih atau aplikasi LUGO bergantung di mana anda melanggan myBAS50.

Anda boleh merujuk kepada soalan nombor 8 untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai cara-cara memperbaharui myBAS50

28. Bagaimana saya boleh menyemak baki hari myBAS50 saya?.

Untuk Telefon Pintar (Aplikasi LUGO)

Jika myBAS50 anda dilanggan melalui aplikasi LUGO, anda boleh melihat baki hari langganan myBAS50 anda di bahagian atas halaman Transit Pass myBAS50 anda.



Untuk MyKad

Anda boleh merujuk resit bayaran untuk melihat tarikh mula dan akhir langganan myBAS50 anda.

Selain itu, anda juga boleh menyemak baki hari myBAS50 anda di mana-mana kaunter Causeway Link / ManjaLink yang disenaraikan di bawah:

- Terminal Bas Gelang Patah
- JB CIQ
- KSL City Mall
- Terminal Bas Kulai
- Lapangan Terbang Antarabangsa Senai
- TF Value Mart

29. Bagaimana cara untuk menyentuh MyKAD atau mengimbas kod QR semasa naik dan sebelum turun dari bas?

Telefon Pintar (Aplikasi LUGO)

Daftar masuk:

1. Buka aplikasi LUGO dan lancarkan pengimbas kod QR.
2. Imbas kod QR pada mesin pengimbas sehingga tiket elektronik muncul.

Daftar keluar:

1. Buka aplikasi LUGO dan lancarkan pengimbas kod QR.
2. Imbas kod QR pada mesin pengimbas sehingga tiket elektronik muncul.

ATAU

1. Buka aplikasi LUGO dan pilih "Select Stop".
2. Pilih hentian yang anda ingin turun.

30. Mengapakah saya perlu menyentuh kad ketika turun dari bas sedangkan saya sudah melanggan pas tanpa had?

Ini adalah untuk keselamatan anda. Selain itu, Ini juga merupakan bukti yang baik untuk perlindungan insurans anda sekiranya terjadi perkara yang tidak diingini berlaku kepada anda semasa perjalanan.

31. Jika tempoh langganan myBAS50 saya sudah berakhir tetapi saya ingin menaiki bas segera, adakah saya boleh membayar dengan tunai?

Betul, anda masih boleh membayar dengan wang tunai untuk menaiki bas.

Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa pemandu bas mungkin tidak mempunyai wang kecil untuk memberikan baki, oleh itu pastikan anda membayar jumlah yang tepat untuk mengelakkan sebarang kekeliruan atau masalah yang tidak diingini.

32. Adakah saya dibenarkan untuk menukar tarikh langganan myBAS50 selepas membuat pembayaran?

Maaf, penukaran tarikh langganan tidak dibenarkan selepas pembayaran dibuat.